


PEJABAT MAYA

A. DAFTAR PENGGUNA BAHARU (STAF DBP)

- i. Staf perlu Log Masuk Pejabat Maya dengan menaip url <http://pers.dbp.gov.my>

Skrin seperti Rajah 1 akan dipaparkan. Pada ruang Daftar Pengguna Baharu, klik pada pautan [Staf DBP]




Rajah 1 – Skrin Log Masuk Pejabat Maya

- ii. Skrin seperti Rajah 2 akan dipaparkan. Masukkan Nombor Staf, No. Kad Pengenalan dan Alamat E-mel. Klik butang **Daftar Sebagai Pengguna**

Rajah 2 – Skrin daftar pengguna

- iii. Sekiranya staf berjaya mendaftar, skrin seperti Rajah 3 akan dipaparkan.



Rajah 3 – Skrin Pemakluman Daftar Staf Baharu Berjaya

- iv. Klik pada **di sini** untuk log masuk Pejabat Maya.
- v. Sekiranya tidak berjaya, staf perlu melihat mesej yang terpapar seperti Rajah 4(i) atau Rajah 4(ii)


Rajah 4(i)

Rajah 4(ii)

Maksud mesej:

- Rajah 4(i) – Pendaftaran staf baharu telah wujud. Staf perlu ke langkah B iaitu Terlupa Kata Laluan.
- Rajah 4(ii) – Maklumat staf baharu belum didaftarkan ke dalam Sistem Personel. Staf baharu perlu menunggu sehingga maklumat staf didaftarkan ke dalam Sistem Personel.

- vi. Untuk staf yang pertama kali log masuk, secara automatik ke skrin menukar kata laluan seperti Rajah 5. Setelah staf menukar kata laluan baharu, klik butang



Kata laluan semasa

Kata laluan baharu

Masukkan semula kata laluan baharu

Rajah 5 – Skrin Tukar Kata Laluan

- vii. Skrin utama Pejabat Maya akan terpapar seperti Rajah 6.

Hak Cipta Terpelihara 2008 Dewan Bahasa dan Pustaka. Pejabat Maya secara automatik tidak berfungsi sekiranya tiada aktiviti yang dilaksanakan dalam tempoh 2000 minit. Paparan terbaik Internet Explorer 7.0 ke atas, dengan resolusi skrin 1280x1024. Pelayan : APPSVR

Rajah 6 – Skrin Utama Pejabat Maya

B. TERLUPA KATA LALUAN (STAF DBP SAHAJA)

- i. Staf perlu menaip url <http://pers.dbp.gov.my> untuk mencapai Pejabat Maya. Skrin seperti Rajah 1 akan dipaparkan. Klik pada pautan **Terlupa Kata Laluan (Staf DBP Sahaj)**



Rajah 1 – Skrin Log Masuk Pejabat Maya

- ii. Skrin seperti Rajah 2 akan dipaparkan. Masukkan maklumat Nombor Staf, No. Kad Pengenalan dan alamat E-mel. Klik butang **Set Semula Kata Laluan**

Rajah 2 – Skrin Tukar Kata Laluan

- iii. Sekiranya maklumat yang dimasukkan tidak tepat, mesej akan dipaparkan seperti Rajah 3.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Kemudahan ini adalah untuk staf DBP sahaja. Bagi pengguna bukan staf DBP, sila hubungi Bahagian Sistem Maklumat DBP untuk bantuan.

Sila masukkan Nombor Staf DBP dan Nombor Kad Pengenalan (Baru atau Lama), Polis atau Tentera anda. Sila masukkan alamat e-mel kerana maklumat akan dihantar ke e-mel tersebut.

Nombor Staf

No. K.P. (Baru/Lama), Polis atau Tentera

Emel Staf (contoh xyx@dbp.gov.my)

[Set Semula Kata Laluan](#)

Aplikasi menghadapi masalah seperti berikut:-

- No. K.P. (Baru/Lama), Polis atau Tentera bagi No. Staf 001857 tidak betul.

Rajah 3 – Mesej kesilapan maklumat

- iv. Sekiranya maklumat yang dimasukkan tepat, skrin seperti Rajah 4 akan dipaparkan. Klik pada **di sini** untuk kembali pada skrin log masuk seperti Rajah 1.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Kata Laluan sementara telah dihantar ke alamat e-mel DBP anda.
Klik **di sini** untuk merakam masuk.

Rajah 4 – Skrin Pemakluman

- v. Dapatkan kata laluan baharu yang telah dihantar ke alamat e-mel dari **Pentadbir Pejabat Maya**. Kata laluan baharu boleh ditukar menggunakan kemudahan dalam menu **Profil**.